

menghalang suspek dari terus mengganggu mangsa, setelah selesai siasatan, IPO akan terhenti dan Perintah Perlindungan (PO) akan dikeluarkan oleh Mahkamah bagi menggantikan IPO dan Mahkamah boleh memasukkan peruntukan tambahan yang difikirkan perlu. Perintah Perlindungan berkuatkuasa tidak melebihi 12 bulan dari tarikh berkuatkuasanya perintah itu.

Bagi menjawab soalan (b), jenis sokongan dan bilangan kes yang telah diberikan oleh PDRM mulai tahun 2008 hingga kini adalah sebanyak 8,554 kes bagi seluruh negara. Antara jenis sokongan yang diberikan adalah membantu mangsa membuat laporan polis ,tele-kaunseling, rundingan baru dan ulangan, kaunseling baru dan ulangan, lawatan rumah dan ke hospital intervensi krisis, memberi ceramah dan program dalam anjuran Pegawai Sokongan Mangsa (*Victim Care Officer - VCO*).

Bahagian D11 juga bertanggungjawab merakam percakapan saksi kanak-kanak di Pusat Temuduga Kanak-Kanak (*Child Interview Center – CIC*) serta memberi sokongan psikologi kepada mangsa jenayah di Pusat Sokongan Mangsa (*Victim Care Center – VCC*).

Fungsi utama CIC adalah merakam keterangan mangsa atau saksi kanak-kanak melalui rakaman video (DVD) di bawah peruntukan seksyen 6 dan 7 Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007. Rakaman ini dijalankan dengan menggunakan alat rakaman *Integrated Real Time DVD Recording System*. Mengikut Seksyen 6(1), rakaman video ini diterima sebagai keterangan pemeriksaan

utama saksi kanak-kanak itu tetapi mengikut seksyen 6(4) saksi kanak-kanak boleh dipanggil untuk diperiksa utama selanjutnya sekiranya keterangan tidak mencukupi. Jika mangsa atau saksi kanak-kanak dipanggil, Mahkamah hendaklah mengadakan suatu penghadang di antara tertuduh dengan kanak-kanak atau dengan cara rangkaian secara langsung. Mangsa atau saksi kanak-kanak yang dimaksudkan adalah berumur 16 tahun ke bawah. Sehubungan dengan itu, CIC adalah berkonsepkan *Child Friendly Policing* bagi mengurangkan trauma yang dialami oleh mangsa atau saksi kanak-kanak. Setakat ini sebanyak 4,253 rakaman video telah dijalankan.

Statistik sesi kaunseling di *Victim Care Center (VCC)* mulai tahun 2008 sehingga 2014 seperti berikut:-

JENIS SOKONGAN	TAHUN							
	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	JUMLAH
REPORT POLIS	1	4	7	0	2	3	4	21
TELEFON	1	3	4	3	0	34	321	366
TELE KAUNSELING	0	50	26	73	252	499	658	
RUNDINGAN BARU	15	4	3	926	965	120	103	2136
RUNDINGAN ULANGAN (JUM.SESI)	0	0	0	46	124	268	268	706
KAUNSELING BARU	0	0	0	279	572	40	43	934
KAUNSELING ULANGAN (JUM.SESI)	0	0	0	46	98	197	229	570
LAWATAN RUMAH /HOSP/KJM	0	0	0	143	395	7	10	555
INTERVENSI KRISIS	0	0	0	8	1	97	202	308
MEMBERI CERAMAH	0	0	0	10	24	31	47	112
PROGRAM DALAMAN ANJURAN VCO	0	0	0	1	7	561	719	1288
JUMLAH	17	61	40	1535	2440	1857	2604	8554